

'Negeri Sembilan tumpu projek manfaatkan rakyat'

Tuanku Muhriz titah ADUN perlu pimpin negeri ke arah sejahtera, makmur

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir mengingatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri itu supaya memikul tanggungjawab memimpin rakyat ke arah memacu sebuah negeri yang bersatu, sejahtera dan makmur.

Baginda mahu setiap ADUN di Negeri Sembilan berusaha memberi fokus kepada projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Setelah mendapat mandat rakyat, kamu (ADUN) perlu memikul tanggungjawab untuk memimpin rakyat ke arah memacu kejayaan negeri.

"Ingatlah bahawa setiap tindakan dan keputusan kamu sentiasa diperhatikan oleh rakyat.

Dengan kemajuan dunia digital tanpa sempadan, segala yang dilakukan mudah diketahui.

"Berbahaslah dengan penuh rasional, intelektual dan pastikan setiap hujah yang dikemukakan memberikan manfaat kepada masyarakat serta menyelesaikan permasalahan yang dihadapi rakyat," titah baginda.

Tuanku Muhriz bertitah demikian pada Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-15 di Dewan-Undangan Negeri Sembilan, di sini, semalam.

Baginda turut menzahirkan kebanggaan atas kerjasama kukuh dalam Kerajaan Perpaduan yang terus memberi impak positif terhadap prestasi ekonomi negeri.

Prestasi membanggakan

Tuanku bertitah, Negeri Sembilan mencapai prestasi pengurusan kewangan yang amat membanggakan pada 2024 apabila buat julung kali mencatatkan kutipan hasil tertinggi, iaitu RM636.17 juta berbanding sasaran RM520 juta.

"Pencapaian ini diperoleh untuk tahun ketiga berturut-turut di mana kerajaan beta berjaya



Tuanku Muhriz berkenan menerima teks titah ucapan daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun pada Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-15 di Seremban, semalam. (Foto BERNAMA)

mengubah belanjawan defisit kepada belanjawan surplus.

"Pada 2024, defisit RM46.9 juta diubah kepada surplus RM83.07 juta. Ini mengukuhkan lagi kedudukan rizab negeri bagi Akaun Hasil Disatukan, iaitu daripada RM410.48 juta pada 2023 kepada RM493.55 juta pada 2024," titah baginda.

Tuanku Muhriz turut meng-

ucapkan tahniah atas peluncuran Pelan Pengurusan Kewangan MADANI yang menggariskan enam nilai teras iaitu kuat, integriti, amanah berilmu, kompeten dan bijaksana.

Titah baginda, kejayaan pelaksanaan pelan itu bergantung kepada komitmen yang jitu dan sinergi yang mantap oleh semua kakitangan kerajaan negeri.